

# Siaran Statistik

## Pengangkutan dan Infokomunikasi

### 1. Ringkasan Eksekutif

#### Isi Kandungan


1. Ringkasan Eksekutif .....	1
2. Perkhidmatan DART .....	2
3. Pendaftaran Kenderaan Baru .....	3
4. Permohonan Petugas Kritikal .....	5
4.1 Sektor Pengangkutan .....	5
4.2 Sektor Infokomunikasi .....	7
5. Pendaftaran “Domestic Runner” .....	7
6. “Unclaimed” Bungkusan, Benda Berdaftar & Paket Kecil .....	8

- Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Perkhidmatan Pos, Bahagian Infokomunikasi, Bahagian Pengangkutan dan Unit IT telah menghasilkan perangkaan yang berfokuskan kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:
  - Pekhidmatan DART;**
  - Pendaftaran kenderaan baru;**
  - Permohonan Petugas Kritikal;**
  - Pendaftaran “Domestic Runner”;** dan
  - “Unclaimed” Bungkusan, Benda Berdaftar dan Paket Kecil.**
- Objektif pengeluaran perangkaan kali ini adalah berkaitan dengan penilaian impak dari penularan wabak COVID-19 merujuk kepada tiga (3) fasa iaitu **Operasi Pulih**, **Operasi Peralihan** dan **Fasa Awal Endemik** yang melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikendalikan oleh MTIC.
- Operasi Pulih COVID-19 telah dilaksanakan bermula pada 4 Oktober hingga 18 November 2021. Seterusnya beralih ke Fasa Peralihan yang bermula pada 19 November hingga 14 Disember 2021 sebelum memasuki Fasa Awal Endemik pada 15 Disember 2021.

## 2. Perkhidmatan DART

### Jumlah Perkhidmatan DART


Tahun	Mei 2018	2019	2020	2021
Jumlah Penumpang	15,993	88,894	94,678	84,551



- Sejak pengenalan perkhidmatan DART pada bulan Mei 2018, ianya telah menunjukkan permulaan yang amat memberangsangkan dengan peningkatan yang drastik dari segi jumlah penumpang sebanyak 457.9% pada tahun berikutnya.
- Apabila negara ini dilanda pandemik COVID-19 pada bulan Mac 2020 hingga Disember 2021, perangkaan menunjukkan secara purata sebanyak 7,294 penumpang bagi setiap bulan.
- Pecahan data sebulan ke sebulan (bulan Mac hingga Disember 2021) jelas menunjukkan bahawa setiap gelombang memberikan impak terhadap tren jumlah penumpang. Seterusnya, diikuti dengan pemulihan setiap bulan sehingga tecetusnya gelombang kedua pada bulan Ogos 2021. Terjadinya lagi penurunan yang sebanyak 63.8% dan jumlah menurun untuk beberapa bulan berikutnya.
- Selepas negara ini mengisytiharkan fasa awal endemik pada 15 Disember 2021, tedapat tanda-tanda semakin pulih pada bulan tersebut. Dijangka dengan penerapan prosedur operasi standard sebagai norma baharu dan diikuti dengan jumlah vaksinasi yang tinggi serta pengekangan penularan wabak tersebut, diharap penumpang akan semakin yakin menggunakan perkhidmatan DART.


### 3. Pendaftaran Kenderaan Baru

Jumlah Pendaftaran Kenderaan Baru  
 ( Mengikut Jenama Kenderaan)



- Bagi tempoh Mac 2020 hingga Januari 2022, sebanyak **25,200 buah kenderaan baru** telah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Darat. Pendaftaran berkenaan melibatkan 39 jenama kenderaan yang terdapat di pasaran Brunei. Dari jumlah tersebut, purata pendaftaran adalah sebanyak 1,095 setiap bulan.
- Dari segi jenama kenderaan pilihan orang ramai, **Toyota** telah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak **5,028 buah** kenderaan. Ini diikuti dengan **Suzuki** sebanyak **4,515 buah**, **KIA** dalam jumlah **4,234 buah** sementara pendaftaran kenderaan baru bagi **Hyundai** serta **MG** masing-masing mencatatkan sebanyak **2,976** dan **1,365 buah**.

## Jumlah Pendaftaran Kenderaan Baru (Mac – Nov 2020 & 2021)




- Semasa gelombang pertama COVID-19 iaitu pada bulan Mac hingga Julai 2020, jumlah pendaftaran kenderaan baru adalah sebanyak 4,088 buah. Jika dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 2021 (iaitu semasa pasca gelombang pertama COVID-19) sebanyak 7,214 buah. Ini menunjukkan peningkatan pendaftaran kenderaan baru sebanyak 76.5%.
- Mengenai perbandingan gelombang kedua COVID-19 pada bulan Ogos hingga November 2020, sebanyak 4,839 buah kenderaan baru didaftarkan. Jumlah tersebut menurun sebanyak 57.3% pada bulan Ogos hingga November 2021. Ini adalah berkemungkinan kesan dari operasi pejabat dan perniagaan yang terhad semasa gelombang kedua.
- Mengikut laporan Digitimes pada 23 Februari 2022, walaupun ASEAN sebagai pembuat automotif ketujuh terbesar di seluruh dunia juga mengalami kadar pemilikan kenderaan yang rendah. Walaubagaimanapun, terdapatnya potensi dengan pertumbuhan penduduk dan pendapatan per kapita serta dengan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang berkuat kuasa mulai 2022 akan meningkatkan lagi status industri automotif ASEAN. Ramalan jualan automotif di rantau ASEAN dijangka akan kembali ke tahap sebelum COVID-19 antara tahun 2023 dan 2024.

## 4. Permohonan Petugas Kritikal

### 4.1 Sektor Pengangkutan

Jumlah Keseluruhan Permohonan Mengikut Sektor




- Secara keseluruhan, jumlah permohonan petugas kritikal di bawah sektor pengangkutan semenjak Operasi Pulih COVID-19 sehingga ke Fasa Awal Endemik setakat 14 Februari 2022 adalah sebanyak 1,596 dengan seramai 17,091 orang.

- Dari jumlah tersebut, sektor udara adalah tertinggi iaitu sebanyak 783 permohonan diterima dengan seramai 8,626 orang petugas kritikal.


- Seterusnya, sektor maritim dengan 561 permohonan untuk seramai 5,747 petugas dan pengangkutan darat hanya sebanyak 101 permohonan dengan 1,218 orang petugas.

Jumlah Petugas Kritikal




- Selain itu, Jabatan Kajicuaca telah menghadapi sebanyak 19 permohonan untuk 193 orang petugas dan lain-lain sektor berkaitan sebanyak 1,307 orang petugas dari 132 permohonan.


### Operasi Pulih



### Operasi Peralihan




### Fasa Awal Endemik



- Bagi ketiga-tiga fasa, operasi pulih mencatatkan sebanyak 717 permohonan dengan 7,837 orang petugas kritikal.
- Manakala, fasa operasi peralihan mencatatkan sebanyak 349 permohonan dengan 3,507 orang petugas kritikal. Bagi fasa awal endemik, sebanyak 528 permohonan telah diproses yang mangandungi 5,747 orang perkerja kritikal.
- Antara faktor penyumbang kepada tingginya permohonan petugas kritikal bagi sektor udara dan maritim adalah disebabkan peningkatan dalam perkhidmatan penghantaran, kargo dan logistik.
- Ianya dikendalikan oleh perkhidmatan penerbangan dan perkapalan seiring dengan peningkatan barang keperluan semasa situasi pandemik COVID-19.

## 4.2 Sektor Infokomunikasi



Jumlah Permohonan Petugas Kritikal  
 (Sektor Infokomunikasi)



- Bagi permohonan petugas kritikal di sektor infokomunikasi pula, jumlah pemohon secara keseluruhan iaitu dari 4 Oktober 2021 hingga 15 Februari 2022 adalah sebanyak 505.
- Dari jumlah tersebut, sebanyak 33 permohonan adalah dari Kerajaan, 159 dari “Government Linked Companies” (GLCs) dan 313 dari permohonan syarikat swasta.
- Jumlah permohonan juga berbeza-beza bagi setiap fasa. Semasa negara di tahap Operasi Pemulihan, sebanyak 183 permohonan telah diterima dan ianya menurun kepada 128 semasa Operasi Peralihan. Semasa fasa awal endemik setakat 14 Februari 2022 meningkat kepada 194 permohonan.

## 5. Pendaftaran “Domestic Runner”


Jumlah Pendaftaran “Domestic Runners”



- Jumlah keseluruhan “domestic runner” yang mendaftar mulai 2 Oktober 2021 sehingga 15 Februari 2022 adalah sebanyak 6,448.
- Sebanyak 5,956 pendaftaran telah dicatatkan semasa negara ini di tahap Operasi Pulih dan seterusnya 238 semasa Operasi Peralihan. Sementara itu, sebanyak 254 yang mendaftar pada fasa awal endemik setakat 15 Februari 2022.
- Dari segi jumlah berdasarkan warna kad pengenalan pintar, sebanyak 5,577 adalah pemegang kad pengenalan kuning, 296 warna ungu dan 788 warna hijau. Ini antaranya adalah kerana pekerja-pekerja asing di restoran atau kedai juga didaftar sebagai “domestic runner” bagi penghantaran barang jualan kepada pelanggan.
- Mengenai kaedah penghantaran, majoriti menggunakan kenderaan bermotor iaitu sebanyak 6,428 dan hanya 20 orang pendaftar yang menggunakan kaedah bejalan kaki atau basikal.

## 6. “Unclaimed” Bungkusan, Benda Berdaftar & Paket Kecil

### Jumlah Bungkusan, Benda Berdaftar & Paket Kecil Yang Belum Dituntut



- Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan bungkusan, benda berdaftar dan paket kecil yang belum dituntut adalah sebanyak 10,755.
- Pada tahun berikutnya, tambahan sebanyak 3,082 menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 13,837.
- Dari perangkaan selama dua (2) tahun tersebut, Benda Berdaftar mencatatkan jumlah tertinggi bagi barang yang belum dituntut.
- Antara penyebab pelanggan belum membuat tuntutan adalah disebabkan keperluan pemeriksaan lanjut oleh pihak-pihak berkuasa yang berkaitan sama ada bercukai ataupun kebenaran lesen/permit.

Dikeluarkan oleh:  
 Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
 Negara Brunei Darussalam